

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Seksyen 3(2), Petroleum Development Act 1974 (Akta 144) agar Petronas turut bertanggungjawab melapor kepada Parlimen dan tidak kepada Perdana Menteri sahaja bagi memastikan segala transaksi berkaitan petroleum negara dilaporkan secara telus dan terbuka.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai entiti komersial ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, PETRONAS sentiasa mengamalkan aspek tadbir urus korporat yang baik (*good corporate governance*) di bawah teraju presiden dan ketua eksekutif yang berkaliber, dibimbing oleh barisan Lembaga Pengarah PETRONAS. PETRONAS juga menduduki kedudukan ke-277 dalam senarai Fortune 500 pada tahun 2021.
2. PETRONAS tidak pernah merahsiakan prestasi dan pencapaiannya kerana syarikat membudayakan amalan akauntabiliti. Ini dapat dilihat melalui pelaporan perkembangan dan pencapaian syarikat, khususnya

prestasi kewangan setiap suku tahun dan tahunan di laman web yang boleh diakses oleh orang awam. Selain itu, PETRONAS mengumumkan prestasi kewangan melalui kenyataan media pada setiap suku tahun dan juga taklimat kepada media pada setiap separuh tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Keberkesanan dan keupayaan PETRONAS dalam membangunkan sektor minyak dan gas telah banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Sehingga tahun 2020, sejumlah RM1.2 trilion telah disumbangkan kepada kerajaan Persekutuan dan sebahagian kerajaan negeri dalam bentuk dividen, bayaran tunai, wang ehsan dan cukai.

4. Kerajaan sangat berbangga dengan PETRONAS sebagai sebuah syarikat milik negara dan multinasional yang diuruskan dengan cemerlang dan dihormati di peringkat antarabangsa. PETRONAS akan terus menyumbang kepada Malaysia serta memastikan rakyat dapat menikmati manfaat daripada kejayaannya.

5. Sehubungan itu, berdasarkan kepada aspek tadbir urus korporat baik dan keterbukaan pelaporan prestasi kewangan yang dilaksanakan PETRONAS, pendirian Kerajaan Persekutuan adalah jelas untuk tidak meminda atau mengkaji semula Akta Kemajuan Petroleum 1974 pada masa ini. PETRONAS juga tidak melapor kepada Parlimen kerana tiada peruntukan perundangan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Syarikat 2016) bagi tujuan ini.

Sekian, terima kasih.